

Akibat perpecahan dari berlainan —  
fahaman politik

# Masyarakat Islam dilemahkan dalam ilmu, ekonomi — PM

**K**UALA LUMPUR 15 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan masyarakat Islam negara ini telah dilemahkan dari segi penguasaan ilmu, ekonomi dan politik akibat perpecahan yang timbul dari berlainan fahaman dan ideologi politik.

“Perpecahan umat Islam juga telah menjejaskan usaha dakwah Islamiah, menjejaskan kelicinan usaha ke arah kejayaan rancangan pembangunan masyarakat luar bandar serta menyulitkan pencapaian

perpaduan nasional,” ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika menjawab soalan mulut Senator Mohd. Yusuff Kassim di Dewan Negara di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata (untuk mengatasi masalah itu) satu muzakarah khas majlis syura akan diadakan bagi membincangkan masalah perpaduan ummah dalam mana tokoh-tokoh politik, para ulama dan wakil persatuan-persatuan telah dijemput untuk mengambil

bahagian.

“Satu pendekatan dari segi politik (juga) sedang diusahakan ke arah mengembalikan perpaduan umat Islam di negara ini,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, sebuah jawatankuasa ukhuwah Islamiah telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan bertujuan mencari jalan menyelesaikan perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini.

Menjawab soalan tambahan Senator Haji Shahrom Maasom, beliau berkata, majlis syura telah dapat mendekatkan orang-orang yang berlainan pendapat serta membincangkan perkara yang menjadi masalah kepada masyarakat Islam.

Kepada soalan tambahan Senator Abdul Wahab Abu Bakar, Perdana Menteri berkata, tidak terdapat kesan yang jelas adanya kuasa luar menyebabkan (bibit dan penyemaran) perpecahan umat Islam di negara ini.

“Tetapi apa yang boleh dibuktikan ialah kuasa luar itu menjadi dorongan kepada sesetengah kalangan rakyat,” tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Menurut beliau, langkah lain yang diambil ialah memberi kesedaran kepada rakyat terutama masyarakat Islam melalui berbagai cara tentang perpecahan yang berlaku dan kesan-kesan buruknya.

UM 16 APR 1985